

BAWA UBAT ANDA



Adakah anda mempunyai ubat yang tidak digunakan atau ubat berlebihan di rumah?

Adakah anda mengenali ubat anda?



Adakah anda keliru ubat mana yang perlu dimakan?

Perlu dibuang atau tidak? Dimanakah ubat perlu dibuang?

Apakah yang anda lakukan dengan ubat yang tidak digunakan?

Ubat anda masih boleh dimakan? Sudah melebihi tarikh luput? Adakah masih berkesan?



TAHUKAH ANDA?

Ubat yang berlebihan di rumah boleh menyebabkan:


- Kekeliruan pengambilan ubat.
- Pembaziran ubat.
- Kejadian keracunan ubat di kalangan kanak-kanak.
- Penggunaan ubat yang melebihi tarikh luput.

APAKAH YANG PERLU ANDA BUAT?

- Sentiasa bawa bersama ubat anda ketika dimasukkan ke wad atau kembalikan ubat yang tidak digunakan ketika temujanji di klinik.
- Ingatkan ahli keluarga untuk membawa ubat anda jika anda dimasukkan ke wad.

APAKAH KEBAIKAN MEMBAWA UBAT KE HOSPITAL?

- Membantu pihak hospital untuk mengesan **sejarah** penggunaan ubat anda dan memberi informasi yang diperlukan dalam pengurusan ubat.
- Dapat membantu proses pengenalpastian ubat yang berkemungkinan menyebabkan **alahan**.



***"BAWA UBAT ANDA BERSAMA KETIKA DIMASUKKAN KE WAD;
KEMBALIKAN UBAT YANG TIDAK DIGUNAKAN KETIKA TEMUJANJI DI KLINIK"***

Sebarang pertanyaan?

Sila hubungi Pegawai Farmasi di Farmasi Klinikal Pakar atau melalui talian 03-61203233 samb: 2020 (Perkhidmatan Maklumat Ubat) / 2047 (Farmasi Pesakit Dalam) / 3257 (Farmasi Pesakit Luar).